

SULIT
5226/1
TASAWWUR
ISLAM
NOVEMBER
2000
2 ½ JAM

5226/1

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2000

TINGKATAN EMPAT

TASAWWUR ISLAM

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A dan B.*
- 2. Jawab dua soalan daripada Bahagian A, dan tiga soalan daripada Bahagian B.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

5226/1 © 2000 Hak Cipta PKPSM Cawangan Terengganu

[Lihat sebelah
SULIT

Bahagian A
(40 markah)

Jawab dua Soalan sahaja

- (1) (a). Wahyu merupakan petunjuk syarak daripada Allah swt kepada RasulNya.
- (i). Nyatakan tiga ciri wahyu (6 markah)
- (ii). Jelaskan dua hujjah yang menunjukkan penggunaan akal semata-mata tidak mampu menyelesaikan kehidupan manusia tanpa bimbingan wahyu (4 markah)
- (b) Senaraikan tiga perbezaan diantara wahyu dengan akal (6 markah)
- (c) Huraikan bagaimana cara wahyu diturunkan (4 markah)
- (2). (a). Sebagai Khalifah Allah swt, manusia hendaklah beriman kepada Allah swt dan sifat-sifatNya.
- (i). Huraikan tiga peranan akal dalam mengenal Allah swt. (6 markah)
- (ii). Senaraikan dua implikasi yang timbul sekiranya akal tidak berpandukan wahyu dalam mencari ilmu pengetahuan (4 markah)
- (b) Allah swt. memerintahkan manusia kembali kepada al-quran apabila berlaku perselisihan.
- (i). Terangkan maksud kembali kepada al-Quran (4 markah)
- (ii). Cadangkan tiga aktiviti-aktiviti penghayatan al-quran yang boleh dilaksanakan di sekolah (6 markah)
- (3) (a) *“Dan sesungguhnya kami telah memuliakan anak-anak Adam.....”*
(Maksud surah al-Isra’: 70)
- (i). Jelaskan kebenaran maksud potongan ayat diatas (4 markah)
- (ii). Nyatakan tiga sifat-sifat manusia yang dimuliakan oleh Allah swt (6 markah)
- (b). Huraikan maksud Islam memberi kebebasan beragama kepada manusia (4 markah)
- (c). Sekolah anda akan mengadakan malam kebudayaan Islam. Sarankan tiga aktiviti sebagai pengisian program malam tersebut. (6 markah)

Bahagian B**(60 markah)****Jawab tiga soalan sahaja**

(4).(a). Salah satu ajaran mulhid yang menjadi ikutan masyarakat dunia hari ini ialah fahaman materialistik (kebendaan / maddiyah)

(i). Senaraikan tiga ciri orang yang bersifat materialistik

(6 markah)

(ii). Apakah implikasi dari amalan fahaman tersebut?

(4 markah)

(b) Aktiviti kebudayaan yang bertentangan dengan prinsip Islam banyak berlaku dikalangan remaja masa kini.

Terangkan tiga langkah untuk mengelakkan aktiviti tersebut dari terus berlaku

(6 markah)

(c) Ajaran islam bersifat waqiiyyah.

Terangkan dua bukti yang menunjukkan sifat waqiiyyah dalam ibadat

(4 markah)

(5).(a). Hukum dan syariat Islam adalah bersumberkan wahyu.

(i). Jelaskan dua kesan jika syariat tidak bersumberkan wahyu

(4 markah)

(ii). Mengapakah ilmu yang berdasarkan wahyu berkekalan?

(4 markah)

(b) Ada fahaman menganggap urusan keagamaan hendaklah dipisahkan dari urusan keduniaan.

Kemukakan tiga alasan anggapan tersebut bertentangan dengan Islam.

(6 markah)

(c) Terangkan tiga ciri yang menunjukkan Islam sebagai Ad-Din

(6 markah)

(6).(a). Huraikan tiga kepentingan akhlak Islam dalam sistem pentadbiran

(6 markah)

(b). Kasih sayang adalah salah satu daripada nilai luhur sosial Islam.

(i). Terangkan dua amalan kasih sayang yang boleh dilakukan di sekolah

(4 markah)

(ii). Nyatakan tiga aktiviti yang boleh memupuk kasih sayang dikalangan pelajar.

(6 markah)

(c) Ihsan adalah satu sifat yang harus dimiliki oleh seseorang pentadbir.

Huraikan kelebihan mengamalkan sifat tersebut dalam sesebuah organisasi.

(4 markah)

SULIT

(7)(a).Gejala salah laku pelajar di sekolah semakin berleluasa.

(i) Senaraikan tiga jenis salah laku yang sering berlaku di sekolah
(6 markah)

(ii).Jelaskan punca berlakunya gejala salah laku tersebut
(4 markah)

(iii).Kemukakan dua cadangan anda bagi mengatasi masalah tersebut
(4 markah)

(b).Iman yang kukuh dapat memberi kesan kepada jiwa dan perlakuan seseorang.

(i).Apakah kesan tersebut?
(2 markah)

(ii).Jelaskan dua cara memelihara iman
(4 markah)

(8)(a)Jelaskan sifat hakim yang boleh dicontohi oleh pelajar dalam menuntut ilmu
(4 markah)

(b).Rasulullah s.a.w merupakan pemimpin Negara Islam yang terunggul didunia.
Jelaskan tiga kedudukan Rasulullah s.a.w. berdasarkan Perlembagaan Madinah
(Shahifah Madīnah)
(6 markah)

(c) 'Syura' adalah bentuk pemerintahan yang dituntut oleh Islam.
Huraikan ciri-ciri syura tersebut.
(4 markah)

(d).Dalam prosedur kehakiman Islam, hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman
dalam keadaan marah.
Kemukakan tiga hikmat daripada prosedur tersebut.
(6 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT